

Malaysia kutuk kezaliman Israel

KOTA TINGGI: Malaysia menyokong tindakan Presiden Palestin, Mahmoud Abbas untuk menghentikan rundingan damai dengan Israel selepas rejim zionis itu melancarkan tindakan ketenteraan terhadap negara berkenaan hingga menyebabkan ratusan penduduk awam yang tidak bersalah terbunuh.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tindakan itu amat perlu dan ia perlu disokong semua pertubuhan antarabangsa lain bagi memberikan tekanan kepada Israel yang terus tidak menunjukkan minat untuk berdarqai dengan Palestin.

"Israel terus bermaharajalela membunuh penduduk awam Palestin. Ini semua tidak patut berlaku jika mereka menghormati pendirian masyarakat antarabangsa yang mahukan keamanan di rantau Asia Barat kerana sepatutnya pelan damai perlu dihormati," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai tindakan kejam Israel yang melancarkan serangan ketenteraan terhadap Palestin dalam masa 24 jam sejak Sabtu lalu, menyebabkan lebih 100 penduduk awam terutama kanak-kanak terbunuh.

Syed Hamid berkata, sebagai sekutu rapat Amerika Syarikat (AS), Israel sepatutnya menghormati pelan damai diusahakan kuasa besar dunia berkenaan dan jika berterusan melancarkan serangan ketenteraan, keganasan akan terus berlaku di rantau berkenaan.

"Saya akan meminta Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengutuk tindakan kejam Israel, tetapi itu saja yang kita boleh lakukan.

"Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Kesatuan Eropah (EU) juga sudah mengutuk serangan berkenaan dan tidak mendapat reaksi positif daripada rejim zionis dan Ame-

rika Syarikat," katanya.

Beliau berkata, Israel seharusnya sedar tindakan ketenteraan hanya boleh dilakukan untuk mempertahankan negara mereka daripada diserang, bukannya menjadikan penduduk awam Palestin sebagai sasaran.

"Mereka tidak sepatutnya melancarkan serangan tentera secara berterusan kerana itu bukannya cara bertindak balas. Sebaliknya, mereka mahu menunjukkan kekuatan yang dimiliki dan yang menjadi korban adalah kanak-kanak serta penduduk awam yang tidak berdosa," katanya.

Mengulas mengenai usaha pihak berkuasa Singapura mengesan Ketua Jemaah Islamiah (JI), Mas Selamat Kastari yang bolos dari penjara republik berkenaan, Jumaat lalu, Syed Hamid berkata, polis, Malaysia dan Singapura mempunyai hubungan yang rapat untuk menangani sebarang kemungkinan.